

# Aktiviti memanah, uji kesabaran dan mental



**AWANG Mohammad Rosman bin Roslin yang merupakan salah seorang ahli Setia Bersatu Archery Club semasa ditemui ketika menyertai latihan aktiviti memanah.**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Julai.** - Melatih emosi dan fokus dalam menetapkan sasaran melalui aktiviti memanah sememangnya menguji mental dan mengajar kita erti ketenangan dan sabar dalam menghadapi sesuatu.

Aktiviti memanah memang satu riadah yang boleh mendapatkan ketenangan di samping dapat menangani tekanan selain banyak yang boleh dipelajari melalui aktiviti tersebut termasuk dari segi fizikal dan mental.

Awang Mohammad Rosman bin Roslin yang merupakan salah seorang ahli Setia Bersatu Archery Club (SB Archery Club) ketika ditemui baru-baru ini, seterusnya berkata, penubuhan

SB Archery Club bertujuan untuk menghidupkan sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping meningkatkan kesukanan negara dalam aktiviti memanah.

Ditubuhkan sejak tahun 2016, katanya, SB Archery Club kini disertai lebih 100 ahli dan setakat ini kelab berkenaan juga aktif mengikuti perlawanan-perlawanan yang diadakan di China, Kota Kinabalu, Bintulu dan sebagainya.

Selain menjalankan latihan yang sering diadakan di Royal Brunei Recreation Club tambahnya, kelab juga aktif mengadakan *mini tournament* serta mengikuti perlawanan-perlawanan yang diadakan seperti Pertandingan Memanah Piala Persatuan Memanah Negara Brunei Darussalam (BDAA Trophy) yang diadakan pada tahun lepas.

"Kami mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai yang berminat di mana aktiviti memanah termasuk dalam kategori moden (*recurve dan compound*) dan tradisional. Perbezaannya ialah memanah tradisional lebih mengutamakan naluri / *instinct* dan cara permainannya adalah statik dan dinamik, manakala memanah moden

**Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**

selalunya menggunakan alat bantuan seperti *sight* dan sebagainya di mana sasaran dapat mengenai dengan tepat dan cara permainannya adalah statik sahaja," ujarnya.

Beliau menambah, berikutan dengan penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini, ia telah menghalang mereka untuk menjalankan latihan selama lebih dua ke tiga bulan,



**MELATIH emosi dan fokus pada sasaran melalui aktiviti memanah sememangnya menguji mental dan mengajar kita erti ketenangan dan sabar dalam menghadapi sesuatu.**

namun mereka kembali aktif menjalankan latihan aktiviti memanah setelah diumumkan kebenaran pelaksanaan pelan *de-escalation*.

Untuk terus berkembang maju dalam aktiviti memanah katanya, kelabnya akan terus berusaha untuk memperkenalkan kembali aktiviti ini dengan mengadakan *mini tournament* atau perlawanan besar nanti agar ia kembali hidup dan diminati ramai termasuk mengadakan promo-promo melalui media sosial dan sebagainya.

Beliau berharap agar ahli-ahli kelab akan terus bersatu dan berusaha untuk menarik kembali pemain-pemain yang tidak aktif untuk kembali aktif dalam aktiviti memanah ini di samping juga terus bersatu dengan kelab-kelab memanah yang lain agar dapat bersaing secara sihat dalam sama-sama meningkatkan sukan memanah di Negara Brunei Darussalam.

Tambahnya, beliau juga berharap kepada orang ramai untuk datang mencuba dan menyertai aktiviti ini atau menghubungi mereka melalui media sosial Instagram iaitu @sbarcheryclub dan Facebook : SB Archery Club.

# Che'gu Core platform tingkat kemahiran, pengetahuan pelajar

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ihsan Che'gu Core

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Julai.** - Che'gu Core merupakan projek terakhir bagi lima pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Tahun 4, iaitu satu platform untuk membantu orang ramai mencari Che'gu (Cikgu) yang mahir dalam sesuatu bidang yang tertentu bagi mengukuhkan lagi kemahiran dan pengetahuan para pelajar di peringkat rendah.

Che'gu Core juga merupakan

satu landasan untuk mencari bakat-bakat belia dalam bidang pendidikan dan pengajaran.

Semasa tinjauan dibuat baru-baru ini, pada masa ini, Che'gu Core mengeluarkan produk pertama mereka, iaitu Klinik S3RU yang khusus bagi para pelajar yang ingin mencari tenaga pengajar bagi subjek-subjek Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

Sementara itu, perancangan pada

masa hadapan ialah untuk mencari lagi para belia yang berminat dan berpotensi untuk menjadi tenaga pengajar bagi menambah ahli-ahli kumpulan Che'gu Core, selain mengeluarkan lagi produk atau perkhidmatan lain yang akan menemukan Che'gu dan pelajar dalam pelbagai bidang, tidak tertumpu kepada bahagian keagamaan sahaja, tetapi juga produk lain seperti mencari tenaga pengajar dalam bidang sukan seperti berenang.

Memandangkan Che'gu Core masih lagi dalam tahap permulaan, tetapi alhamdulillah, sambutan

daripada orang ramai sangat menggalakkan.

Media sosial seperti Facebook dan Instagram banyak membantu mereka di dalam mengembang luaskan lagi landasan mereka yang baru sahaja melebarkan sayapnya sejak tiga bulan lalu.

Setakat ini, sebanyak lima pelajar yang berdaftar menyertai produk pertama mereka, iaitu Klinik S3RU.

Sistem pembelajaran menerusi Che'gu Core juga adalah secara *one-on-one* dan bayaran adalah tertakluk kepada beberapa buah

subjek yang diambil atau pakej yang dipilih.

Sementara itu, Che'gu Core diterajui oleh Awang Md. Afif Rusydi bin Haji Kartolo; Awang Md. Asna Syahrini bin Haji Othman; Dayang Nur Amerah Azyah binti Haji Besar; Awang Md. Syafiq Nazrin bin Haji Abdul Hanni @ Zailani; dan Md. Syahmi bin Haji Awang Mahli.

Untuk keterangan lebih lanjut, orang ramai boleh melayari akaun Facebook *CHE'GUcore* atau Instagram @chequcore atau hubungi mereka di talian +673 7127371.



**LIMA orang pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Tahun 4 semasa mengadakan sesi pembelajaran Che'gu Core melalui dalam talian (atas). Sementara gambar kiri, Che'gu Core juga merupakan satu landasan untuk mencari bakat-bakat belia dalam bidang pendidikan dan pengajaran.**